



**PANDUAN PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR  
IJAZAH PERTAMA DAN IJAZAH TINGGI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
SIDANG AKADEMIK 2021/2022**

**KAMPUS KEJURUTERAAN**

---

**Nota:**

Terdapat empat (4) kaedah yang dibenarkan untuk pergerakan pelajar kembali ke kampus iaitu:

- i. menggunakan kenderaan sendiri;
- ii. ibu bapa/penjaga menghantar sendiri pelajar dengan syarat ibu bapa/penjaga telah lengkap proses vaksinasi;
- iii. perkhidmatan penerbangan; dan
- iv. pelajar senior yang membawa kenderaan sendiri dibenarkan berkongsi kenderaan berdasarkan kapasiti kenderaan dengan memastikan pelajar dan penumpang telah lengkap proses vaksinasi.

**BAHAGIAN 1**

**PANDUAN PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU (TAHUN 1)  
16 OKTOBER 2021**

**A. PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU**

1. Semua pelajar baharu perlu mengesahkan menerima masuk ke USM melalui sistem dalam talian [pohon@USM](mailto:pohon@USM).
2. Pelajar baharu yang dikehendaki hadir secara fizikal ke kampus oleh Pusat Pengajian atau pelajar berkeperluan perlu mengisi **Borang A – Borang Kebenaran Khas Kembali ke Kampus (versi 12)** bermula **4 Oktober 2021 – 8 Oktober 2021** terlebih dahulu untuk kelulusan Dekan dan Nerve Centre USM. Selepas mendapat kelulusan, pelajar perlu mengisi Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 tiga (3) hari sebelum datang ke USM. **Borang tersebut boleh diisi melalui sistem dalam talian [pohon@USM](mailto:pohon@USM)**. Pelajar yang tidak akan datang ke USM tidak perlu mengisi Borang A.
3. Pelajar baharu yang dibenarkan hadir secara fizikal ke kampus mestilah yang telah lengkap divaksinasi dan telah melepassi tempoh keberkesanan vaksin. Bagi jenis vaksin yang memerlukan 2 dos suntikan, individu berkenaan mestilah telah melepassi hari ke 14 dari tarikh suntikan dos kedua. Manakala bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan, individu berkenaan mestilah telah melepassi hari ke-28 dari tarikh suntikan. Sila tunjukkan surat pengesahan doktor perubatan dari hospital atau klinik kerajaan bagi mereka yang tidak mendapatkan vaksin kerana sebab kesihatan.

4. Pelajar baharu yang belum lengkap divaksinasi dan belum melepassi tempoh keberkesanan vaksin perlu melengkapkan vaksinasi sebelum dibenarkan hadir secara fizikal ke kampus. Pelajar juga perlu berhubung dengan Pusat Pengajian masing-masing bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) secara dalam talian.
5. Pelajar baharu yang tidak dibenarkan hadir secara fizikal ke kampus ialah pelajar yang:
  - i) masih positif COVID-19 atau mempunyai ahli keluarga serumah yang positif COVID-19;
  - ii) sedang menunggu keputusan ujian swab untuk diri sendiri atau keluarga serumah;
  - iii) menjalankan ujian swab kendiri dan keputusannya positif dalam tempoh 14 hari;
  - iv) berada di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO);
  - v) kontak rapat dengan kes positif atau kluster dalam tempoh 14 hari yang lalu;
  - vi) mempunyai gejala COVID-19;
  - vii) belum lengkap dos vaksin;
  - viii) belum menerima/mengambil vaksin.

6. Pelajar baharu yang akan hadir secara fizikal ke kampus seperti maklumat berikut:

Tarikh : 16 Oktober 2021 (Sabtu)

Masa : 8.30 pagi – 12.30 tengah hari  
2.00 petang – 4.30 petang

Lokasi : Desasiswa Jaya Lembaran Utama  
(*Pelajar akan melalui proses saringan suhu, deklarasi dan ujian Covid-19*)

7. Pelajar baharu yang dibenarkan hadir secara fizikal ke kampus mestilah **memuat turun Rapid Health Assessment Information System (rHAIS)**. Pelajar dikehendaki menggunakan rHAIS **selama 14 hari sebaik saja masuk ke kampus** untuk memantau gejala COVID-19.
8. rHAIS boleh dimuat turun dari aplikasi *Play Store* (bagi pengguna android) dan pengguna selain android (iOS, Huawei, dll) perlu mengimbas *QR Code* di bawah untuk mengakses rHAIS.



PENGGUNA TELEFON IOS  
IOS PHONE USERS

## B. PELAJAR BAHARU YANG DIHANTAR OLEH IBU BAPA/PENJAGA

1. Hanya ibu bapa/penjaga yang telah lengkap divaksinasi boleh menghantar pelajar ke USM dengan jumlah **tidak melebihi tiga (3) orang termasuk pelajar di dalam satu kenderaan**. Pelajar perlu duduk di tempat duduk penumpang hadapan (**sebelah kiri pemandu**) untuk mempercepat urusan pendaftaran.
2. Semasa tiba di Kampus Kejuruteraan, semua kenderaan akan diarahkan untuk masuk ke Kompleks Dewan Kuliah untuk mendapatkan kit kemasukan dan menjalani Ujian Nasal COVID-19 secara pandu lalu.
3. Pelajar yang **Iulus Saringan Risiko COVID-19 dan negatif Ujian Nasal COVID-19** akan diminta menunjukkan QR Code (Check-in USM) untuk diimbas oleh petugas bagi mendapatkan nombor bilik penginapan di Desasiswa.
4. Pelajar yang **gagal Saringan Risiko COVID-19 atau positif Ujian Nasal COVID-19** akan diberi pilihan untuk menjalani isolasi di dalam kampus atau mereka boleh pulang bersama-sama ibu bapa/penjaga. Mereka yang memilih untuk menjalani isolasi di dalam kampus akan dibawa oleh kenderaan ibu bapa/penjaga ke blok Desasiswa yang telah ditetapkan.
5. Kenderaan ibu bapa/penjaga pelajar yang Iulus Saringan Risiko COVID-19 dan negatif Ujian Nasal COVID-19 akan diminta terus ke desasiswa untuk mendapatkan kunci penginapan. **Hanya pelajar sahaja dibenarkan turun dari kenderaan manakala pemandu dan individu lain yang berada di dalam kenderaan dilarang untuk turun.**
6. Semua urusan keluarga hendaklah diselesaikan sebelum pelajar turun dari kenderaan di blok penginapan. Setelah pelajar turun bersama-sama barang/beg, kenderaan ibu bapa/penjaga diminta segera beredar untuk meneruskan perjalanan meninggalkan kampus dan pelajar tidak dibenarkan bertemu ahli keluarga selepas itu.

## C. PELAJAR BAHARU YANG DATANG DENGAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Pelajar yang datang menggunakan pengangkutan udara diarahkan ke Kompleks Dewan Kuliah untuk menjalani Saringan Risiko COVID-19 dan membuat Ujian Nasal COVID-19 yang dibantu oleh petugas Kesihatan.
2. Pelajar yang **Iulus Saringan Risiko COVID-19 dan negatif Ujian Nasal COVID-19** akan diminta menunjukkan QR Code (Check-in USM) untuk diimbas oleh petugas bagi mendapatkan nombor bilik penginapan di Desasiswa. Pelajar akan dibawa oleh kenderaan Universiti ke Desasiswa yang telah ditetapkan dan di sana pelajar akan dibantu oleh petugas untuk ke bilik penginapan masing-masing.
3. Pelajar yang **gagal Saringan Risiko COVID-19 atau positif Ujian Nasal COVID-19** akan menjalani isolasi di dalam kampus dan akan dibawa oleh kenderaan Universiti ke blok Desasiswa yang telah ditetapkan.

**D. PELAJAR BAHARU YANG DATANG DENGAN MEMANDU KENDERaan SENDIRI/PENGANGKUTAN AWAM**

Peraturan USM **tidak membenarkan** pelajar baharu/Tahun Satu (1) membawa kenderaan sendiri (kereta) masuk ke dalam kampus atau menaiki pengangkutan awam.

**E. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

Unit Pengambilan Pelajar  
Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar  
Tel : 1 300 888 876  
          04-653 3196 / 4663 / 3425 / 2688  
Emel : [admissions@usm.my](mailto:admissions@usm.my) / [asaz@usm.my](mailto:asaz@usm.my)

**BAHAGIAN 2**

**PANDUAN PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR SENIOR (TAHUN 2, 3, DAN 4)  
MULAI 22 OKTOBER 2021**

**A. KEMASUKAN PELAJAR SENIOR**

1. Pelajar senior yang dikehendaki hadir secara fizikal ke kampus oleh Pusat Pengajian atau pelajar berkeperluan perlu datang ke USM mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Desasiswa Jaya Lembaran Utama (JLU) bermula **22 Oktober 2021**. **Sila rujuk Lampiran A.**
2. **Pelajar senior dimaklumi bahawa tawaran penginapan di Desasiswa mengikut Pusat Pengajian yang diberikan oleh JLU hanyalah tawaran penginapan untuk Semester I sahaja. Pelajar senior perlu menandatangani Borang Aku Janji Penerimaan Desasiswa untuk Semester I semasa mengambil kunci bilik penginapan Desasiswa.**
3. Semua pelajar senior perlu mengisi **Borang A – Borang Kebenaran Khas Kembali ke Kampus (versi 12)** mulai **27 September 2021** atau sekurang-kurangnya **seminggu sebelum datang ke USM** untuk kelulusan Dekan dan Nerve Centre USM. Selepas mendapat kelulusan, pelajar perlu mengisi **Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 tiga (3) hari sebelum datang ke USM** melalui Campus Online.
4. Pelajar senior yang dibenarkan hadir secara fizikal ke kampus mestilah yang telah lengkap divaksinasi dan telah melepas tempoh keberkesanan vaksin. Bagi jenis vaksin yang memerlukan 2 dos suntikan, individu berkenaan mestilah telah melepas hari ke 14 dari tarikh suntikan dos kedua. Manakala bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan, individu berkenaan mestilah telah melepas hari ke-28 dari tarikh suntikan. Sila tunjukkan surat pengesahan doktor perubatan dari hospital atau klinik kerajaan bagi mereka yang tidak mendapatkan vaksin kerana sebab kesihatan.
5. Pelajar senior yang belum lengkap divaksinasi dan belum melepas tempoh keberkesanan vaksin perlu melengkapkan vaksinasi sebelum dibenarkan hadir secara fizikal ke kampus. Pelajar juga perlu berhubung dengan Pusat Pengajian masing-masing bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) secara dalam talian.

6. Pelajar senior yang tidak dibenarkan hadir secara fizikal ke kampus ialah pelajar yang:
  - i) masih positif COVID-19 atau mempunyai ahli keluarga serumah yang positif COVID-19;
  - ii) sedang menunggu keputusan ujian swab untuk diri sendiri atau keluarga serumah;
  - iii) menjalankan ujian swab kendiri dan keputusanya adalah positif dalam tempoh 14 hari;
  - iv) berada di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO);
  - v) kontak rapat dengan kes positif atau kluster dalam tempoh 14 hari yang lalu;
  - vi) mempunyai gejala COVID-19;
  - vii) belum lengkap dos vaksin;
  - viii) belum menerima/mengambil vaksin.
7. Pelajar senior yang dibenarkan hadir secara fizikal ke kampus mestilah **memuat turun Rapid Health Assessment Information System (rHAIS)**. Pelajar dikehendaki menggunakan rHAIS selama **14 hari** sebaik saja masuk ke kampus untuk memantau gejala COVID-19.
8. rHAIS boleh dimuat turun dari aplikasi *Play Store* (bagi pengguna android) dan pengguna selain android (iOS, Huawei, dll) perlu mengimbas *QR Code* di bawah untuk mengakses rHAIS.



PENGGUNA TELEFON IOS  
IOS PHONE USERS

## B. PELAJAR SENIOR YANG DIHANTAR OLEH IBU BAPA/WARIS

1. Hanya ibu bapa/penjaga yang telah lengkap divaksinasi boleh menghantar pelajar ke USM dengan jumlah **tidak melebihi tiga (3) orang termasuk pelajar di dalam satu kenderaan**. Pelajar perlu duduk di tempat duduk penumpang hadapan (**sebelah kiri pemandu**) untuk mempercepat urusan pendaftaran.
2. Semasa tiba di USM, semua kenderaan akan diarahkan untuk masuk ke Kompleks Dewan Kuliah untuk menjalani Ujian Nasal COVID-19 secara pandu lalu.
3. Pelajar yang **lulus Saringan Risiko COVID-19 dan negatif Ujian Nasal COVID-19** akan bergerak ke Desasiswa untuk diberikan kunci bilik penginapan Desasiswa serta menandatangani Borang Aku Janji Penerimaan Desasiswa untuk Semester I.
4. Pelajar yang **gagal Saringan Risiko COVID-19 atau positif Ujian Nasal COVID-19** akan diberi pilihan untuk menjalani isolasi di dalam kampus atau mereka boleh pulang bersama-sama ibu bapa/penjaga. Mereka yang memilih untuk menjalani isolasi di dalam kampus akan dibawa oleh kenderaan Universiti ke blok Desasiswa isolasi yang telah ditetapkan.

5. Kenderaan ibu bapa/penjaga pelajar yang lulus Saringan Risiko COVID-19 dan negatif Ujian Nasal COVID-19 akan diminta ke kawasan blok penginapan di Desasiswa mengikut laluan yang ditetapkan untuk menurunkan pelajar dan barang. **Hanya pelajar dibenarkan turun dari kenderaan manakala pemandu dan individu lain yang berada di dalam kenderaan dilarang untuk turun.**
6. Semua urusan keluarga hendaklah diselesaikan sebelum pelajar turun dari kenderaan. Setelah pelajar turun bersama-sama barang/beg, kenderaan ibu bapa/penjaga diminta segera beredar untuk meneruskan perjalanan meninggalkan kampus dan pelajar tidak dibenarkan bertemu ahli keluarga selepas itu.

#### C. PELAJAR SENIOR YANG DATANG DENGAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Pelajar yang datang menggunakan pengangkutan udara diarahkan ke Kompleks Dewan Kuliah untuk menjalani Saringan Risiko COVID-19 dan membuat Ujian Nasal COVID-19 yang dibantu oleh petugas Kesihatan.
2. Pelajar yang **lulus Saringan Risiko COVID-19 dan negatif Ujian Nasal COVID-19** akan diberikan kunci bilik penginapan Desasiswa serta menandatangani Borang Aku Janji Penerimaan Desasiswa untuk Semester I. Pelajar akan dibawa oleh kenderaan Universiti ke Desasiswa yang telah ditetapkan.
3. Pelajar yang **gagal Saringan Risiko COVID-19 atau positif COVID-19** akan menjalani isolasi di dalam kampus dan akan dibawa oleh kenderaan Universiti ke blok Desasiswa yang telah ditetapkan.

#### D. PELAJAR SENIOR YANG DATANG DENGAN KENDERAAN SENDIRI/BERKONGSI KENDERAAN

1. Pelajar yang datang menggunakan kenderaan sendiri/berkongsi kenderaan akan diarahkan ke Kompleks Dewan Kuliah untuk menjalani Saringan Risiko COVID-19 dan membuat Ujian Nasal COVID-19 yang dibantu oleh petugas Kesihatan.
2. Pelajar yang berkongsi kereta yang sama perlu menunggu sehingga kesemua pelajar di dalam kereta tersebut mendapat keputusan Saringan Risiko COVID-19 dan Ujian Nasal COVID-19.
3. **Jika salah seorang pelajar di dalam kereta tersebut gagal Saringan Risiko COVID-19 atau positif Ujian Nasal COVID-19**, maka kesemua pelajar di dalam kereta yang sama akan diwajibkan untuk menjalani isolasi di blok Desasiswa yang telah ditetapkan.
4. Pelajar yang **lulus Saringan Risiko COVID-19 dan negatif Ujian Nasal COVID-19** akan bergerak ke Desasiswa untuk diberikan kunci bilik penginapan Desasiswa serta menandatangani Borang Aku Janji Penerimaan Desasiswa untuk Semester I.
5. Pelajar yang **gagal Saringan Risiko COVID-19 atau positif COVID-19** akan menjalani isolasi di dalam kampus dan akan dibawa oleh kenderaan Universiti ke blok Desasiswa yang telah ditetapkan.
6. Pelajar yang kenderaannya **mempunyai pelekat rasmi USM yang sah dibenarkan untuk meletakkan kenderaan di Desasiswa**. Pelajar senior yang

kenderaan tidak mempunyai pelekat rasmi USM yang sah perlu berurus dengan Jabatan Keselamatan.

#### **E. PELAJAR BAHARU YANG DATANG SELEPAS 16 OKTOBER 2021 DAN PELAJAR SENIOR YANG DATANG SELEPAS 24 OKTOBER 2021**

1. Pelajar baharu yang datang selepas 16 Oktober 2021 dan pelajar senior yang datang selepas 24 Oktober 2021 perlu menghubungi JLU untuk penyelarasan penginapan di Desasiswa.

**Hotline:** Desasiswa Jaya Lembaran Utama (JLU)  
04-653 5633/ 5521 / 5501 – Fahrul Idzwan Mohammad


2. Semua pelajar perlu mengisi **Borang A – Borang Kebenaran Khas Kembali ke Kampus (versi 12)** mulai 27 September 2021 atau sekurang-kurangnya seminggu sebelum datang ke USM untuk kelulusan Dekan dan Nerve Centre USM. Selepas mendapat kelulusan, pelajar perlu mengisi **Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 tiga (3) hari sebelum datang ke USM** melalui Campus Online.
3. Semua pelajar diminta datang ke USM **dari jam 8:30 pagi hingga 4:30 petang** dan perlu terus pergi ke Unit Kesihatan untuk **menjalani Saringan Risiko COVID-19, dan membuat Ujian Nasal COVID-19**. Semua pelajar perlu menjalani saringan dan ujian tersebut terlebih dahulu sebelum dibenarkan masuk ke bilik penginapan Desasiswa.
4. **Pelajar dilarang sama sekali menumpang di bilik rakan sebelum menjalani proses Saringan Risiko COVID-19 dan membuat Ujian Nasal COVID-19. Tindakan tatatertib akan dikenakan sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi.**
5. Pelajar senior perlu menandatangani **Borang Aku Janji Penerimaan Desasiswa untuk Semester I** semasa mengambil kunci bilik penginapan di Desasiswa.

#### **BAHAGIAN 3**

#### **PANDUAN PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR IJAZAH PERTAMA DAN IJAZAH TINGGI YANG TINGGAL DI LUAR KAMPUS**

1. Semua pelajar Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi yang tinggal di luar kampus dibenarkan masuk ke dalam kampus setelah lengkap divaksinasi dan telah melepassi tempoh keberkesanan vaksin. Bagi jenis vaksin yang memerlukan 2 dos suntikan, individu berkenaan mestilah telah melepassi hari ke 14 dari tarikh suntikan dos kedua. Manakala bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan, individu berkenaan mestilah telah melepassi hari ke-28 dari tarikh suntikan. Sila tunjukkan surat pengesahan doktor perubatan dari hospital atau klinik kerajaan bagi mereka yang tidak mendapatkan vaksin kerana sebab kesihatan.
2. Semua pelajar Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi yang tinggal di luar kampus serta belum lengkap divaksinasi dan belum melepassi tempoh keberkesanan vaksin seperti yang ditetapkan perlu melengkapkan vaksinasi sebelum dibenarkan masuk ke dalam kampus.

3. Semua pelajar Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi yang tinggal di luar kampus perlu mengisi **Borang A – Borang Kebenaran Khas Kembali ke Kampus** (versi 12) mulai **27 September 2021** atau sekurang-kurangnya seminggu sebelum datang ke USM untuk kelulusan Dekan dan Nerve Centre USM. Selepas mendapat kelulusan, pelajar perlu mengisi **Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 tiga (3) hari sebelum masuk buat kali pertama ke USM** melalui Campus Online.
4. Untuk kemasukan buat kali kedua dan seterusnya, semua pelajar Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi yang tinggal di luar kampus perlu menjalani Saringan Risiko COVID-19 secara berkala di Unit Kesihatan. Pelajar akan diberikan pas kebenaran memasuki kampus sekiranya bebas daripada gejala COVID-19.
5. Jika pelajar Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi yang tinggal di luar kampus disahkan gagal Saringan Risiko COVID-19, mereka akan dirujuk ke Unit Kesihatan untuk tindakan selanjutnya. Pelajar juga tidak akan dibenarkan untuk memasuki kampus sehingga disahkan lulus Saringan Risiko COVID-19.
6. Semua pelajar Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi yang tinggal di luar kampus mestilah **memuat turun Rapid Health Assessment Information System (rHAIS)**. Pelajar dikehendaki menggunakan rHAIS **selama 14 hari** sebaik saja masuk ke kampus untuk memantau gejala COVID-19.
7. rHAIS boleh dimuat turun dari aplikasi *Play Store* (bagi pengguna android) dan pengguna selain android (*iOS*, *Huawei*, dll) perlu mengimbas *QR Code* di bawah untuk mengakses rHAIS.



PENGGUNA TELEFON IOS  
*IOS PHONE USERS*

#### **BAHAGIAN 4**

#### **HAL-HAL YANG BERKAITAN**

##### **A. KEBENARAN PERGERAKAN KELUAR MASUK KAMPUS**

1. Pelajar yang telah kembali/memasuki kampus hanya dibenarkan pulang ke kampung/merentas negeri dengan kebenaran daripada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (HEPA) atau Nerve Centre USM. Kebenaran hanya akan diberikan dengan alasan yang munasabah.
2. Semua pelajar yang mendapat kebenaran pulang ke kampung/merentas negeri perlu menjalani Saringan Risiko COVID-19 di Unit Kesihatan **sebelum pulang ke kampung dan sebaik sahaja tiba di kampus**. Pelajar perlu menjalani saringan tersebut sebelum dibenarkan masuk semula ke bilik penginapan di Desasiswa.

3. Semua pelajar yang mendapat kebenaran pulang ke kampung/merentas negeri perlu **memuat turun Rapid Health Assessment Information System (rHAIS)**. Pelajar dikehendaki menggunakan rHAIS selama **14 hari** sebaik saja masuk ke kampus untuk memantau gejala COVID-19.
4. rHAIS boleh dimuat turun dari aplikasi *Play Store* (bagi pengguna android) dan pengguna selain android (iOS, Huawei, dll) perlu mengimbas *QR Code* di bawah untuk mengakses rHAIS.



PENGGUNA TELEFON IOS  
IOS PHONE USERS

## B. KEHIDUPAN DALAM NORMA BAHARU COVID-19

1. Pelajar dinasihati untuk mengelakkan 3C (*Crowded Place, Confined Place, Closed Conversation*) dan mengamalkan 3W (*Wash, Wear, Worn*).
2. Pelajar juga dinasihati untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, kerap membasuh tangan dan mematuhi **Garis Panduan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**.

## C. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

1. Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA):

Telefon : 04-599 5530 / 5532 / 5533 / 5537  
Emel : [bhepa\\_eng@usm.my](mailto:bhepa_eng@usm.my)

2. Sebarang pertanyaan berkenaan prosedur pengoperasian Universiti semasa COVID-19, sila hubungi Nerve Centre USM:

Kampus Induk	<b>04-653 2267 / 6124</b>
Kampus Kesihatan	<b>09-767 1310</b>
Kampus Kejuruteraan	<b>04-599 5530 / 5532 / 5533 / 5537</b>

## SAMSURI BIN MUSA

Ketua Unit

Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA)

Kampus Kejuruteraan

28 September 2021  
21 Safar 1443 H

**JADUAL KEMASUKAN PELAJAR SEMESTER 1 2021/2022**  
**USM KAMPUS KEJURUTERAAN**

PUSAT PENGAJIAN	Tahun	16 Okt 2021 (W0)	*22-24 Okt 2021 (W1)	14 Nov 2021 (W4)	24-26 Dis 2021 (W10)	JUMLAH
PPK Aeroangkasa	1,2,3 & 4		100% ONLINE			23
	PBK		20 (W1-W19)			
	PG		3 (W1-W23)			
PPK Awam	1		100% ONLINE			347
	2				110 (W10-W19)	
	3				107 (W10-W19)	
	4		100% ONLINE			
	PBK		50 (W1-W19)			
	PG		80 (W1-W23)			
PPK Kimia	1	105 (W0-W8)				543
	2		101 (W1-W8)			
	3				90 (W10-W19)	
	4				85 (W10-W19)	
	PBK		15 (W1-W8)		20 (W10-W19)	
	PG		127 (W1-W23)			
PPK Mekanik	1				147 (W10-W19)	550
	2	100% ONLINE				
	3				137 (W10-W19)	
	4		135 (W1-W19)			
	PBK		70 (W1-W19)		11 (W10-W19)	
	PG		50 (W1-W23)			
PPK Bahan & Sumber Mineral	1	105 (W0-W8)				532
	2		110 (W1-W8)			
	3				114 (W10-W19)	
	4			39 SM (W4-W19)	94 B/P (W10-W19)	
	PBK		20 (W1-W19)			
	PG		50 (W1-W23)			

**JADUAL KEMASUKAN PELAJAR SEMESTER 1 2021/2022**  
**USM KAMPUS KEJURUTERAAN**

PUSAT PENGAJIAN	Tahun	*22-24 Okt 2021 (W1)	21 Nov 2021 (W5)	28 Nov 2021 (W6)	5 Dis 2021 (W7)	24-26 Dis 2021 (W10)	JUMLAH
PPK Elektrik & Elektronik	1 MEKATRONIK					60 EEM102 (W10-W12)	555
	2			210 EEE231 & EEM242 (W6-W8)			
	3 ELEKTRONIK					90 EEE320 (W10-W12)	
	4		20 EEE453 (W5-W6)		15 CAPSTONE PROJECT (W7-W14)	40 EEM344 & EEM441 (W10-W14) 20 EEE453 (W10-W12)	
	PBK	50 (W1-19)					
	PG	50 (W1-23)					

**\*PENDAFTARAN SENIOR IJAZAH PERTAMA PADA 22-24 OKTOBER 2021**

TARIKH	PUSAT PENGAJIAN	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN
22 OKTOBER 2021	PPK Awam	50	180
	PPK Bahan & Sumber Mineral	130	
23 OKTOBER 2021	PPK Kimia	116	186
	PPK Elektrik & Elektronik	50	
	PPK Aeroangkasa	20	
24 OKTOBER 2021	PPK Mekanik	205	205
	<b>JUMLAH</b>	<b>571</b>	

\*\*Pelajar Ijazah Tinggi Mod Campuran boleh mendaftar pada mana-mana tarikh berkenaan.